



Angewalt
FELLOWSHIP NAIB CANSELOR
KATEGORI PENGAJARAN



ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR KATEGORI PENGAJARAN

Kategori Pengajar Cemerlang | Sains Tulen

PROF. MADYA DR. NOOR BAITY BINTI SAIDI
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Prof. Madya Dr. Noor Baity Saidi berasal dari Kelantan dan dibesarkan di Besut, Terengganu. Beliau adalah anak sulung daripada 11 orang adik-beradik. Dr. Baity memulakan persekolahan di Sekolah Kebangsaan Pasir Akar, Terengganu dan meneruskan pengajian ke peringkat menengah di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru. Setelah itu, beliau menyambung pengajian di Kolej Matrikulasi Johor dan kemudiannya diterima masuk ke Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2003 untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bioteknologi. Beliau berjaya bergraduasi dengan kelas pertama dan terus menyambung pengajian ke peringkat PhD dalam bidang patologi molekul tumbuhan di University of Edinburgh, Scotland, United Kingdom dari 2007 hingga 2011.

Sebaik menamatkan pengajian, beliau pulang ke Universiti Putra Malaysia dan berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Biologi Sel dan Molekul, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul. Beliau telah mengetuai beberapa jawatankuasa bagi pelbagai aktiviti anjuran jabatan dan fakulti sama ada pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau kini memegang jawatan sebagai Ketua Jawatankuasa Kecil Kurikulum Jabatan. Pada 2020, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya.

Dr. Baity merupakan salah seorang calon Anugerah Saintis Muda Negara pada 2012 atas kejayaannya menerbitkan artikel penyelidikan di dalam *Nature*, iaitu salah satu jurnal terbaik di dunia dalam bidang Sains dan Teknologi. Sepanjang tempoh berkhidmat di UPM, beliau menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Fakulti dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC 2021) pada peringkat universiti. Beliau juga terlibat dalam projek penyelidikan industri berimpak tinggi berkaitan tanaman pisang, *Putra Paradize* yang telah menerima anugerah 5 bintang pada peringkat universiti. Selain itu, beliau juga aktif dalam bidang inovasi pengajaran dan pembelajaran dan menerima beberapa anugerah dalam *Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning (PicTL)* dan *International University Carnival on E-Learning (IUCEL)* melalui projek berkumpulan dan individu.

Sebagai seorang penyelidik, Dr. Baity juga turut diundang untuk memberi ceramah berkaitan topik penyelidikan beliau, iaitu penyakit tanaman dan kawalan biologi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kepakaran beliau dalam bidang penyelidikan telah diiktiraf apabila beliau mewakili Malaysia bagi projek kerjasama kawalan penyakit pisang pada peringkat Asia Tenggara yang ditaja oleh *Australian Center for International Agricultural Research (ACIAR)*.



ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR
KATEGORI PENGAJARAN
Kategori Pengajar Cemerlang | Sastera dan Sains Sosial

DR. AMIR HAMZAH BIN SHARAAI
Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Dr. Amir Hamzah Sharaai dilahirkan di Seri Manjung, Perak. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Biologi daripada Universiti Sains Malaysia dan kemudian melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan Biologi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Keinginan beliau untuk mendalami pengetahuan dalam bidang alam sekitar mendorongnya untuk mengikuti pengajian PhD dalam bidang Penilaian Kitar Hayat pada 2011 di Universiti Malaya (UM).

Sebagai seorang Pensyarah Kanan di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Amir Hamzah memiliki kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidangnya. Beliau mula berkhidmat di UPM pada 1 Jun 2012 di Jabatan Alam Sekitar. Beliau mengajar kursus seperti Penilaian Kitar Hayat, Sistem Pengurusan Kualiti Alam Sekitar dan Statistik untuk Pengurusan Alam Sekitar. Dengan kepakarannya dalam bidang penilaian kitar hayat dan pengurusan alam sekitar, beliau berperanan aktif dalam membimbing dan menginspirasi para pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan konsep alam sekitar yang mampan.

Beliau telah menerima beberapa anugerah yang mengiktiraf dedikasi dan sumbangannya dalam bidang alam sekitar. Antaranya, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2019. Selain itu, beliau juga menerima pingat emas dalam *International Putra Innocreative Carnival in Teaching and Learning (iPicTL)* pada 2020 dan 2022, serta pingat emas dalam Pertandingan Amalan Inovasi Penyelidikan di Karnival Inovasi@UMT 2021. Kesemua pengiktirafan ini adalah atas usaha beliau dalam memperkembangkan pengetahuan dan amalan inovatif dalam bidang Alam Sekitar.

Dari segi falsafah pengajaran, beliau percaya bahawa menjadi seorang pensyarah bukan hanya mengajar, tetapi juga perlu menjadi seorang pendidik yang bertanggungjawab dan berdedikasi. Beliau memberikan penekanan terhadap kualiti pendidikan yang diberikan kepada para pelajar, selain berusaha untuk menyampaikan pemahaman yang mendalam untuk mendorong mereka berfikir secara kritis dan kreatif. Dengan penekanan ini, para pelajar didorong untuk mengembangkan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran pada masa depan.

Dr. Amir Hamzah Sharaai adalah seorang individu yang berbakat, berdedikasi dan komited dalam memajukan bidang Alam Sekitar melalui pendidikan dan penyelidikan yang dijalankan. Segala usaha ini memberikan impak positif terhadap perkembangan disiplin Alam Sekitar, selain membantu membentuk generasi yang prihatin terhadap alam sekitar.



ANUGERAH *FELLOWSHIP* NAIB CANSOLOR KATEGORI PENGAJARAN

Kategori Pengajar Muda | Sains Gunaan

Ts. DR. NURUL AMELINA BINTI NASHARUDDIN
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Ts. Dr. Nurul Amelina Nasharuddin berasal dari Taiping, Perak dan menetap di Kuala Lumpur sejak kecil. Beliau merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik dan mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Gombak Setia dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melati. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada peringkat Bachelar sehingga Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer, dengan pengkhususan Dapatan Semula Maklumat Multimedia. Ketika melanjutkan pengajian Doktor Falsafah, beliau mendapat tajaan daripada Erasmus Mundus untuk menjalankan penyelidikan di Universidad de Granada, Sepanyol dan berada di sana selama 15 bulan.

Dr. Nurul Amelina memulakan kerjaya di UPM sebagai Tutor pada 2010 dan dilantik sebagai Pensyarah Kanan pada 2017. Beliau merupakan Penyelidik Bersekutu bagi International Institute of Online Education National Centre, Malaysia dan Felo Bersekutu bagi Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, UPM. Beliau juga merupakan ahli Pasukan Petugas untuk *Open Educational Resources*, UPM yang membangunkan garis panduan pembangunan bahan pendidikan bersifat terbuka. Dr. Nurul Amelina telah terlibat dalam pembangunan beberapa kursus *Micro-credentials* dan *Massive Open Online Courses* (MOOC) sebagai ketua dan ahli pembangun yang rata-ratanya ditawarkan dalam platform PutraMOOC UPM. Dalam bidang penyelidikan, beliau merupakan ketua bagi dua projek penyelidikan dan ahli kepada beberapa geran penyelidikan pada peringkat nasional dan antarabangsa, selain menerbitkan lebih daripada 15 artikel dan laporan saintifik, hasil penyelidikan tersebut. Pada peringkat fakulti, beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kurikulum Pra-Siswazah sejak dari 2021 dan ahli Unit Inovasi sejak 2022.

Beliau berjaya memenangi pelbagai anugerah pada peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, *Outstanding Open Educational Resources Award (Project)*, *International University Carnival on e-Learning* tahun 2021 dan 2022. Beliau juga telah memenangi tujuh pingat emas dan tiga pingat perak dalam pelbagai pertandingan inovasi pada pelbagai peringkat. Pada 2020, beliau pernah memenangi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPM dan Anugerah Penyelidikan Pelajar Cemerlang peringkat fakulti.

Dr. Nurul Amelina juga merupakan ahli *Creative Common Global Network* (Malaysia Chapter), satu organisasi bukan kerajaan dan rangkaian antarabangsa yang menumpukan soal akses pendidikan dan memperluaskan rangkaian karya kreatif.



ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR
KATEGORI PENGAJARAN
Kategori Pengajar Muda | Kejuruteraan

DR. NABILAH BINTI ABU BAKAR
Fakulti Kejuruteraan

Dr. Nabilah Abu Bakar berasal dari Seremban, Negeri Sembilan dan merupakan anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Beliau telah menerima Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) dalam bidang Kejuruteraan Awam pada 2005. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Purdue University, Amerika Syarikat dan memperoleh Master dalam bidang Kejuruteraan Struktur pada 2008. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah pada 2015 dalam bidang Kejuruteraan Struktur daripada National University of Singapore. Bidang kepakaran beliau ialah Kejuruteraan Struktur dan Gempa.

Beliau kini memegang jawatan sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia. Beliau mengajar pelbagai kursus pada peringkat Bacheloer dan Master serta mendapat markah yang cemerlang dalam penilaian pengajaran. Dengan moto “*Passionate Teaching Through Active Learning with Emphasis on Fundamental Concepts*”, beliau telah menerapkan konsep dan

model fizikal dan cabaran reka bentuk struktur dalam pengajaran dan pembelajaran. Dr. Nabilah merupakan penyelar akademik pada 2018 hingga 2022 bagi Jabatan Kejuruteraan Awam. Beliau juga merupakan Ketua Makmal Kejuruteraan Struktur Berat sejak 2017 dan pernah menganggotai pelbagai jawatankuasa pembentukan kurikulum program serta akreditasi pada peringkat jabatan.

Beliau juga bergiat aktif dalam lapangan komuniti, selain pernah memberi penerangan dan demonstrasi fizikal gempa bumi kepada beberapa buah sekolah, serta bekerjasama dengan *Islamic Relief Malaysia* untuk membuat satu Model “*Shaking Table*” yang boleh digunakan sebagai demonstrasi gempa bumi kepada orang awam. Melalui “*UPM Bentley Advancement Lab*”, beliau telah menjadi “*Certified Training Partner*” bagi perisian komersial Staad.Pro untuk analisis dan reka bentuk struktur. Dr. Nabilah telah memberikan latihan bersijil kepada pelajar pada peringkat Bacheloer dan Master melalui kursus *Micro-credentials* sejak 2020.

Beliau juga aktif memberikan perkongsian di seminar dan bengkel kepada jurutera Kementerian Kesihatan Malaysia serta pensyarah politeknik berkaitan analisis struktur. Beliau aktif dalam pembentukan sahsiah pelajar dengan menjadi penyelia bagi pertandingan peringkat nasional, terutama dalam bidang kejuruteraan gempa dan struktur. Dr. Nabilah juga pernah menjadi penyelia bagi program mobiliti pelajar di Kunming University of Science and Technology (KUST) pada 2019. Menerusi pertandingan *International Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning (iPictl)* 2022, beliau memenangi pingat perak bagi inovasi pembelajaran bertajuk ‘*Modular Knowledge Building in Structural Engineering through an Integrated Design Challenge*’, serta tempat kedua dalam pertandingan ‘*Amalan Terbaik Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran antara Fakulti/Sekolah/Pusat Pengajian UPM*’, dengan tajuk ‘*Engineering towards Construction 4.0 with Digital Advancement Laboratory*’. Beliau juga merupakan penyelia projek tahun akhir dan pernah memenangi pingat emas dan perak pada ‘*FYP Open Day*’ pada peringkat fakulti pada 2020 dan 2021.